

UPM sasar harta tanah jana dana

SERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) melihat sektor harta tanah sebagai antara bidang yang berupaya menjana pendapatan untuk institusi pengajian tinggi (IPT) itu sekiranya taraf autonomi yang diberikan kerajaan kepadanya dilaksanakan kelak.

Naib Canselor UPM, Datuk Dr Radin Umar Radin Sohadi berkata, ketika ini perbelanjaan pengurusan UPM masih lagi bergantung kepada geran kerajaan dengan peruntukan lebih 70 peratus manakala selebihnya ditanggung sendiri.

Katanya, dengan adanya status autonomi, peratusan geran terbabit akan dikurangkan secara berperingkat, sekali gus memerlukan pihaknya mencari sumber kewangan sendiri dan beliau merasakan aset tanah di universiti berkenaan berpotensi untuk menyokong perkara itu.

"Pada masa ini, sumber pendapatan UPM kebanyakannya diperoleh daripada yuran termasuk penuntut luar di UPM yang tidak disubsidi, penyelidikan, kontrak penyelidikan dengan industri, geran penyelidikan yang dibida pihak luar, pelaburan, alumni, serta perniagaan milik universiti.

"Justeru, persediaan menjadi universiti berautonomi penuh perlu dimu-



DR RADIN UMAR...sektor harta tanah ada potensi.

lakan dari sekarang dan sektor harta tanah pastinya mampu menjana sumber kewangan jangka panjang menerusi sewaan, sekali gus memberi manfaat kepada generasi graduan akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas berucap pada Perutusan Naib Canselor UPM 2012 di Dewan Besar Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah UPM di sini, semalam.

Dr Radin Umar berkata, sebagai permulaan, pihaknya mewujudkan wakaf yang menjadi jentera pertama membantu membiasai perbelanjaan luar dugaan seperti contoh bagi pelajar kurang berkemampuan yang tidak dapat menjelaskan bayaran.